

*Undang-undang
lebih tegas mampu
tangani jenayah*

Pindaan dilakukan kerajaan bukan untuk ganti ISA



MANJA ISMAIL

manja@mediaprima.com.my

Belum pun dibentangkan untuk bacaan kali kedua dan dijadualkan hari ini, Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah 2013 dan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013, sudah mendapat reaksi negatif daripada pembangkang serta pertubuhan dan individu yang bersekongkol dengannya, selepas ia dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat, Rabu lalu.

Anehnya, kelompok sama juga sebelum ini mendesak kerajaan melakukan sesuatu untuk menangani peningkatan kadar jenayah terancang, terutama pembunuhan dan rompak bersenjata, selepas pemansuhan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dua tahun lalu.

Malah, pemansuhan kedua-dua akta itu dilihat sebagai tolak ansur kerajaan dengan desakan pembangkang dan pertubuhan yang memperjuangkan hak asasi manusia. Kononnya undang-undang seperti itu sudah lapuk dan tidak lagi sesuai ketika Malaysia melangkah ke arah mencapai status negara maju.

Mereka seolah-olah mahu menafikan undang-undang seperti itulah yang berjaya mengekalkan ketenteraman dan keselamatan rakyat serta mencegah jenayah dengan berkesan sehingga membolehkan negara mencatat kejayaan dalam pelbagai bidang selama ini.

Oleh kerana itu, kita melihat majoriti rakyat yang cintakan keamanan dan mahukan keselamatan terjamin, termasuk yang mengundi pembangkang, mengharapkan wakil mereka di Parlimen, menyokong rang undang-undang baru ini. Mereka sedar bahawa Malaysia, walaupun mungkin memiliki kemajuan fizikal bertaraf dunia, masih memerlukan undang-undang ketat kerana kebanyakan rakyat masih mempunyai mentaliti dunia ketiga.

Cuba politikkan isu

Menyamakan Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dengan ISA semata-mata kerana ia membolehkan suspek ditahan tanpa bicara sehingga dua tahun, menunjukkan pembangkang cuba mempolitikkan isu ini.

Berbeza dengan ISA yang memberi kuasa mutlak kepada menteri dalam proses penahanan dan pembebasan tahanan, Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah memberi kuasa kepada Lembaga Pencegahan Jenayah menentukan seseorang yang ditangkap mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) ditahan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun.

Lembaga yang dianggotai oleh tiga hakim kanan itu juga boleh melanjutkan tempoh tahanan selama dua tahun lagi sekiranya didapati perlu demi kepentingan ketente-

raman dan keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Begitupun, arahan tahanan oleh lembaga boleh disemak semula di Mahkamah Tinggi. Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 pula memperuntukkan hukuman lebih berat terhadap mereka yang melakukan jenayah seksual, jenayah terancang serta mencederakan pasangan masing-masing.

Bagi kesalahan jenayah seksual misalnya, yang semakin membimbangkan sekarang, rang undang-undang itu memperuntukkan penjara sehingga 30 tahun dan sebatan berbanding 20 tahun ketika ini, selain menaikkan hukuman minimum dari lima kepada 10 tahun.

Bagaimanapun, paling menarik perhatian dalam pindaan rang undang-undang ini ialah kemasukan seksyen baru 121E berhubung tindakan menggunakan, mengiktiraf dan mempromosi bendera kebangsaan selain Jalur Gemilang.

Penjara lima tahun cacatkan bendera

Sesiapa yang mencacatkan, merosakkan, mengotori secara fizikal, bakar, meletakkan pada lantai atau tanah, memijak, mencemari, memusnahkan, menghina atau mempersoal dengan niat tidak menghormati mana-mana lambang atau bendera kebangsaan atau bendera negara asing hendaklah dihukum dengan penjara tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 15 tahun dan boleh juga didenda.

Mereka yang mengguna, mengiktiraf atau menggalakkan penggunaan mana-mana bendera bertujuan mewakili Malaysia, selain bendera dinyatakan sebagai bendera Malaysia mengikut Jadual kepada Akta 1963 Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) atau mana-mana negeri di Malaysia selain yang diperuntukkan berkaitan undang-undang di setiap negeri, boleh dipenjara antara lima hingga 15 tahun serta didenda.

Peruntukan baru ini dilihat perlu berikutan semakin kerap kes yang menghina lambang kedaulatan dan kemegahan negara itu. Kes terbaru ialah ketika sambutan menjelang Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-56 apabila ada pihak mengibar bendera Sang Saka Malaya dan beberapa kes memijak Jalur Gemilang sebelum itu.

Undang-undang lebih berat dan tegas terhadap mereka yang tidak menghormati bendera dan lagu kebangsaan sudah lama diamalkan di kebanyakan negara termasuk negara maju dan dianggap lebih demokratik daripada Malaysia. Walaupun semangat patriotisme tidak seharusnya dipaksa, hukuman setimpal ke atas sesiapa saja mengkhianati kedaulatan negara, memang perlu.

Justeru, tidak ada sebab bagi rakyat yang berfikiran waras, cintakan kedamaian dan mahu keselamatan mereka lebih terjamin, mempersoalkan kewajaran kerajaan memperkenalkan dua rang undang-undang itu. Hanya penjenayah dan mereka yang berniat jahat takutkan undang-undang sedemikian.



E-mel ke

bhrencana@bh.com.my

untuk berkongsi pendapat anda

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang Kumpulan BH
Datuk Mior
Kamarul Shahid
mkamarul@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita
Norhayati Md Said
yatisaid@bh.com.my

Pengarang
Eksekutif Rencana
Zainor Said
zaino@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my